

# BULLETIN

**Jabatan Laut Malaysia**

JANUARI 2021

EDISI 01



RESEMI

*Uniform JLM  
Berwajah Baharu*



JabatanLautMalaysia



jabatanlaut



@lautmy



**Bersama  
Hentikan  
Wabak  
Covid-19**



## info menarik

03 Jabatan Laut Malaysia 2021 dengan Uniform Baharu

## CAKNA JLM

07 Kunjungan Hormat dan Lawatan

09 Program dan Bengkel

12 Penguatkuasaan dan Operasi

## Covid 19

13 Norma Baharu Mencegah COVID19

## PANDANG MEDIA

14 14 JANUARI 2021  
STATUS PENGOPERASIAN  
JETI DAN JADUAL FERI  
TERKINI SEPANJANG  
PELAKSANAAN PKP 2.0 DAN  
PKPB DI SEMUA NEGERI  
KECUALI SARAWAK DAN  
NEGERI PERLIS (PKPP)  
BERMULA 13 HINGGA 26  
JANUARI 2021

15 21 Januari 2021  
KES KE-4 POSITIF COVID-19  
DI JABATAN LAUT WILAYAH  
SELATAN (JLWS), PEJABAT  
LAUT PELABUHAN  
TANJUNG PELEPAS (PTP)

17 26 Januari 2021  
INSIDEN PELANGGARAN  
BOT NELAYAN BERSAMA  
KAPAL TB GLORY 3 DI  
PERAIRAN LUMUT

18 Berita  
-Bernama  
-Harian Metro  
-Sinar

## SuDut KreaTif

19 Geli Hati

## Baca/Read

20 -Tatabahasa  
(Memberi @Memberikan)

## Perkongsian

21 Sentuhan Rohani  
-Berfikir Sejenak (Mutiara Kata)

22 Dapur JLM  
- Resepi Ketam Masak  
Lemak Cili Api

## Sidang Redaksi

Ketua Editor  
Azhan

Penasihat  
YBhg Dato' Haji  
Baharin Bin  
Dato' Abdul  
Hamid

Egbert Reeta Hayati Zulhafeez

Siti Asrul Sharifah





# *Jabatan Laut Malaysia 2021 dengan Uniform Baharu*



**Jabatan Laut Wilayah Persekutuan  
Labuan**



**Jabatan Laut Wilayah Utara**



# *Jabatan Laut Malaysia 2021 dengan Uniform Baharu*



**Jabatan Laut Wilayah Selatan**



**Jabatan Laut Wilayah Timur**





# *Jabatan Laut Malaysia 2021 dengan Uniform Baharu*



**Jabatan Laut Wilayah Tengah**



**Jabatan Laut Wilayah Sabah**






# *Jabatan Laut Malaysia 2021 dengan Uniform Baharu*



**Jabatan Laut Wilayah Sarawak**



# KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN



**12 JANUARI 2021**

## **Kunjungan Hormat Jawatankuasa Kecil Pemeriksaan Keselamatan (JKPK) Sasaran Penting Negeri Perlis**

**Kuala Perlis, Perlis** - Pejabat Laut Kuala Perlis menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Kecil Pemeriksaan Keselamatan (JKPK) Sasaran Penting Negeri Perlis yang terdiri dari PDRM, KDRM, AKSEM, CGSO, ATM, MKN dan BOMBA bagi tujuan mewartakan Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis sebagai KLTL (Kawasan Larangan dan Tempat Larangan). Sesi taklimat dan lawatan tapak di sekitar kawasan Terminal telah dibuat bersama Jawatankuasa bagi memberi gambaran penuh keadaan di lokasi. Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis merupakan Terminal yang mengendalikan lebih dari 60% dari jumlah keseluruhan penumpang ke Langkawi Bandaraya Pelancongan



# KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN



**21 JANUARI 2021**

**Ketua Pejabat Laut  
Kuala Perlis mengadap  
di Istana Fauzana  
Kangar**



**Istana Fauzana, Kangar, Perlis** Tuanku Raja Perempuan Perlis - Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid berkenan supaya Ketua Pejabat Laut Kuala Perlis mengadap di Istana Fauzana Kangar. Dalam pertemuan selama sejam itu Baginda Tuanku bertanyakan tentang keadaan di Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis disamping menyuarakan kebimbangan Baginda mengenai peningkatan kes jangkitan pandemik COVID-19 di negeri Perlis. Baginda juga bertanyakan mengenai hal kesesakan di Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis baru-baru ini seterusnya menitahkan supaya pihak Jabatan Laut Malaysia (JLM) memastikan supaya kesesakan di Terminal tersebut tidak berulang. Di akhir pertemuan, Baginda Tuanku ambil maklum dengan penerangan Pejabat Laut Kuala Perlis mengenai S.O.P dan tindakan yang diambil oleh JLM bagi mengurangkan insiden kesesakan di Terminal. Daulat Tuanku.

# PROGRAM DAN BENGKEL



**01 JANUARI 2021**

## **PAMERAN SENI ARCA PASIR PENGHARGAAN KEPADA WIRA BARISAN HADAPAN**

**Terminal Feri Penumpang Kuah, Langkawi** - Pejabat Laut Kuah dengan kerjasama Ikhwan Saloot Visual Artist mengadakan pameran Seni Arca Pasir Penghargaan Kepada Wira Barisan Hadapan di dalam kawasan Terminal sempena menyambut kedatangan pelancong ke Langkawi Bandaraya Pelancongan pada awal Tahun Baru 2021



# PROGRAM DAN BENGKEL



**04-05 JANUARI 2021**



**SESI LIBAT URUS  
BPTBP WILAYAH  
TIMUR BERSAMA  
BPTBP IBU  
PEJABAT LAUT**



**Ibu Pejabat Laut, Kuala Terengganu** - Sesi libat urus BPTBP Wilayah Timur bersama BPTBP Ibu Pejabat Laut Bilik Mesyuarat untuk semakan dan pengemaskinian bagi Malaysia List of Light (MLOL).



**5 JANUARI 2021**

**SESI  
ENGAGEMENT  
BERSAMA  
PENGARAH LAUT  
WILAYAH UTARA  
DAN  
STAKEHOLDERS**

**Gelugor, Pulau Pinang** - Pengarah Laut Wilayah Utara bersama pegawai-pegawai kanan Wilayah Utara mengadakan engagement bersama stakeholders berkaitan sebagai usaha untuk membantu repatriasi kru kapal persiaran ORIENTAL DRAGON yang terkandas di Pelabuhan Pulau Pinang sejak April 2020



# PROGRAM DAN BENGKEL



**05-09 JANUARI 2021**

## **PROGRAM TRANSFORMASI KEMAJUAN KARIER PEMBANTU LAUT A19**

**MATRAIN** - Program Transformasi Kemajuan Karier Pembantu Laut A19 (Lantikan Baru)

# PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

**10 JANUARI 2021**



## **OPERASI KHAS PEMATUHAN SOP MENCEGAH JANGKITAN COVID-19 DI TERMINAL FERI PENUMPANG KUAH DAN TERMINAL KARGO TANJUNG LEMBONG**



**Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kedah** - Pelaksana Pejabat Laut Kuah dengan kerjasama Ketua Polis Daerah Langkawi bersama petugas Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan operasi khas pematuhan SOP mencegah jangkitan COVID-19 di Terminal Feri Penumpang Kuah dan Terminal Kargo Tanjung Lembong bagi mencegah jangkitan pandemik itu di Langkawi. Langkawi sehingga kini masih merupakan Zon Hijau dan menjadi tumpuan para pelancong untuk berkunjung menggunakan mod pengangkutan feri penumpang dan RORO. Pengunjung Langkawi Bandaraya Pelancongan menggunakan mod pengangkutan laut - feri penumpang dan RORO sentiasa dinasihatkan supaya membudayakan amalan norma baharu untuk terus kekal sejahtera dan selamat. Sentiasa amalkan SOP -- pakai pelitup muka di dalam Terminal, feri penumpang dan RORO- jaga jarak fizikal 1 meter semasa berada di dalam Terminal- kerap basuh tangan dengan sabun dan air atau guna hand sanitizer- tidak menggunakan Terminal, feri penumpang dan RORO jika bergejala dan segera ke fasiliti kesihatan yang berhampiran. Pematuhan kepada SOP ini menyebabkan risiko untuk dijangkiti pandemik COVID-19 adalah sangat rendah walaupun kes positif tersebut tidak anda kenali

**JABATAN LAUT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** - Operasi Penguatkuasaan bersama telah dilaksanakan antara Jabatan Laut Malaysia WP. Labuan dan APMM Zon Maritim Labuan untuk memeriksa kapal-kapal yang berlabuh di dalam perairan had pelabuhan Labuan. Beberapa pegawai dan kakitangan jabatan turut serta dengan menggunakan sebuah aset jabatan iaitu MPV Adhara. Tujuan operasi ini bagi menguatkuasa kepatuhan terhadap Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 selain mengeratkan lagi hubungan kerjasama dan perkongsian maklumat antara Jabatan dan Agensi. Hasil pemeriksaan ke atas 4 buah kapal yang berlabuh, satu kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan berlabuh tanpa kebenaran Pengarah Laut. ensyen-konvensyen antarabangsa dilaksanakan. Selain itu, turut dijalankan aktiviti abandon ship drills dalam memastikan tahap kesiapsiagaan krew-krew kapal apabila berlaku situasi kecemasan.



## **28-29 JANUARI 2021 OPERASI PENGUATKUASAAN BERSAMA TELAH DILAKSANAKAN ANTARA JABATAN LAUT MALAYSIA WP. LABUAN DAN APMM ZON MARITIM LABUAN**



**BULETIN JLM/  
JANUARI 2021**

**12**

# PANDEMIC COVID 19

## Pembudayaan Norma Baharu Bagi Mencegah Penularan COVID-19



8 Januari 2020 - Terminal Feri Penumpang Pangkor, Perak - Ketua dan Pelaksana Pejabat Laut Pangkor dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Pangkor melaksanakan sanitasi awam di dalam kawasan Terminal dan Jeti. Kerja-kerja sanitasi awam ini dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan pengunjung ke Pangkor Pulau Bebas Cukai bebas dari jangkitan pandemik COVID-19 di tempat yang selalu disentuh oleh para pengunjung. Pengunjung Pangkor Pulau Bebas Cukai menggunakan mod pengangkutan laut - feri penumpang dinasihatkan supaya sentiasa membudayakan amalan norma baharu untuk terus kekal sejahtera dan selamat. Sentiasa amalkan SOP -- pakai pelitup muka di dalam Terminal dan feri penumpang- jaga jarak fizikal 1 meter semasa berada di dalam Terminal- kerap basuh tangan dengan sabun dan air atau guna hand sanitizer- tidak menggunakan Terminal dan feri penumpang jika bergejala dan segera ke fasiliti kesihatan yang berhampiran. Pematuhan kepada SOP ini menyebabkan risiko untuk dijangkiti pandemik COVID-19 adalah sangat rendah walaupun kes positif tersebut anda tidak kenali



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### COVID-19 Malaysia Updates by MOH

Official COVID-19 Malaysia Updates by Ministry of Health, Malaysia



COVID-19 Malaysia

# PANDANG MEDIA

14 JANUARI 2021

## SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

STATUS PENGOPERASIAN JETI DAN JADUAL FERI TERKINI SEPANJANG PELAKSANAAN PKP 2.0 DAN PKPB DI SEMUA NEGERI KECUALI SARAWAK DAN NEGERI PERLIS (PKPP) BERMULA 13 HINGGA 26 JANUARI 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

### SIARAN MEDIA - UNTUK SIARAN SEGERA

#### STATUS PENGOPERASIAN JETI DAN JADUAL FERI TERKINI SEPANJANG PELAKSANAAN PKP 2.0 DAN PKPB DI SEMUA NEGERI KECUALI SARAWAK DAN NEGERI PERLIS (PKPP) BERMULA 13 HINGGA 26 JANUARI 2021

1. Merujuk kepada pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ke atas semua negeri kecuali Negeri Sarawak dan Perlis (PKPP) bermula 13 hingga 26 Januari 2021.
2. Terdapat beberapa perubahan pengoperasian dan jadual feri (setakat 15 Januari 2021):
  - i. Laluan Feri Langkawi ke Kuala Perlis (pergi dan balik) dihentikan dalam tempoh PKP ini disebabkan larangan rentas negeri yang dikenakan oleh kerajaan.
  - ii. Laluan Feri Langkawi – Kuala Kedah dikurangkan kepada 1 trip dalam tempoh PKP berbanding 6 trip sebelum PKP.
  - iii. Laluan Feri Kuala Kedah – Langkawi dikurangkan kepada 1 trip dalam tempoh PKP berbanding 7 trip sebelum PKP.
  - iv. Laluan Feri Lumut - P. Pangkor (pergi dan balik) dikurangkan kepada 6 trip dalam tempoh PKP berbanding 12 trip sebelum PKP.
  - v. Laluan Feri Marina Island - Pulau Pangkor (pergi dan balik) dikurangkan kepada 7 trip dalam tempoh PKP berbanding 13 trip sebelum PKP.
  - vi. Laluan Feri Labuan – Menumbok (pergi dan balik) dikurangkan kepada 6 trip dalam tempoh PKP berbanding 8 trip sebelum PKP.
  - vii. Laluan Pelabuhan Kelang - Pulau Ketam dihentikan dalam tempoh PKP ini
3. Pengguna adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang feri <https://www.langkawiferryline.com/> bagi laluan Kuala Kedah – Langkawi pergi dan balik.

JABATAN LAUT MALAYSIA

14 JAN, 2021

-TAMAT-

#### Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

#### Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7764

E-mel [korporat@marine.gov.my](mailto:korporat@marine.gov.my)



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

21 JANUARI 2021

## SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

KES KE-4 POSITIF COVID-19 DI JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN (JLWS),  
PEJABAT LAUT PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP)



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA - UNTUK SIARAN SEGERA

**KES KE-4 POSITIF COVID-19 DI JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN (JLWS), PEJABAT LAUT  
PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP) 21 JANUARI 2021.**

Kes ke-4 Positif Covid-19 di Jabatan Laut Wilayah Selatan (JLWS) telah dikesan melibatkan kakitangan Jabatan yang bekerja di Pejabat Laut Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan merupakan kontak rapat staf VTS Tg Piai yang positif Covid-19.

Berdasarkan maklumat daripada Ketua Pejabat Laut PTP, terdapat (9) sembilan orang kakitangan yang bertugas dan (8) lapan orang daripadanya merupakan kontak rapat (kes ke-4) dan telah diarah kuarantin sendiri di rumah serta merta sehingga selesai penilaian risiko dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) / Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Operasi Pejabat Laut Tg Pelepas akan diambilalih serta merta oleh Pejabat Laut Puteri Harbour atau mana-mana Pejabat Laut yang berhampiran seperti berikut:-

- 1) **Bayaran Permit Petroleum**  
Permohonan boleh dibuat di Pejabat Laut Puteri Harbour.
- 2) **Urusan Pelaut**
  - **Sign on /off dan urusan perjanjian anak kapal (crew article)** bagi kapal berbendera Malaysia adalah secara atas talian (sistem SDPx).
  - Bagi urusan permohonan Perakuan Kekompetenan(COC), kad pelaut, Perakuan Pengiktirafan(COR), Perakuan Kecekapan (COP) permohonan boleh dibuat di Pejabat Laut Pasir Gudang atau Mersing.
  - Bagi pertukaran **krew warga asing** permohonan boleh dibuat di Pejabat Laut Puteri Harbour.
- 3) **Pernohonan Pelepasan Pelabuhan (Surat Izin Belayar)** dan urusan lain adalah secara atas talian.

Berikut ditetapkan status pengoperasian bagi pejabat PTP :-

**\*\* Penutupan : 21 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021.**  
**Pembukaan Semula : 27 Januari 2021.**

**\*\*Pejabat Laut Puteri Harbour ambalalih operasi pejabat mulai 21/1/2021 - 26/1/2021.**



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

VS  
NEL

# PANDANG MEDIA

21 JANUARI 2021

## SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

### KES KE-4 POSITIF COVID-19 DI JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN (JLWS), PEJABAT LAUT PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP)

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

1. Pejabat Laut Tg Pelepas ([plptp@marine.gov.my](mailto:plptp@marine.gov.my)) - En Mohd Zamzuri Othman (+60 19 551 7578), En Farhan bin Othman (+60 12 725 4245) dan En Mohd Shahiroz bin Kassim (+60 13 630 3880)
2. Pejabat Laut Puteri Harbour ( [ppphn@marine.gov.my](mailto:ppphn@marine.gov.my)) - En Nordin Khamis (019 763 5509) dan En Amar (017 720 0931)
3. Pejabat Laut Pasir Gudang ([pppgd@marine.gov.my](mailto:pppgd@marine.gov.my)) -En Mohd Noor Ab Rahim (+60 12 743 3394)

JLWS sedang berurusan dengan PKD/KKM untuk tindakan lanjut dan akan menyalurkan maklumat kepada pelanggan Jabatan serta pihak yang terkesan.

Sekian, untuk makluman.

**JABATAN LAUT MALAYSIA**

21 JAN, 2021

-TAMAT-

---

#### Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

#### Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia


Tel +603 - 3346 7793 / 7764

E-mel [korporat@marine.gov.my](mailto:korporat@marine.gov.my)



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)



VS  
CHANNEL

26 Januari 2021

## SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA: INSIDEN PELANGGARAN BOT NELAYAN BERSAMA KAPAL TB GLORY 3 DI PERAIRAN LUMUT



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA - UNTUK SIARAN SEGERA

### INSIDEN PELANGGARAN BOT NELAYAN BERSAMA KAPAL TB GLORY 3 DI PERAIRAN LUMUT

LUMUT - 26/01/2021 lebih kurang jam 1540 petang, Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Pejabat Laut Lumut telah melaporkan insiden pelanggaran di antara Kapal TB Glory 3 (IMO 9459199) yang membawa barge (MR3322) pendaftaran Singapura dan bot nelayan tempatan yang bernombor pendaftaran (PKFB 1136).

Insiden berlaku pada 26/01/2021 lebih kurang jam 0400 pagi pada kedudukan Lat 04° 29.489 N Long 100° 21.50 E, 13NM Pulau Talang di Perairan Lumut. Kapal TB Glory 3 membawa muatan pasir daripada Lumut menuju Port Blair, India.

Kesan pelanggaran telah mengakibatkan bot nelayan bersama tiga (3) orang awak-awak warganegara Myanmar tenggelam, dua (2) orang mangsa telah diselamatkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Lumut dan seorang mangsa dipercayai hilang/tenggelam bersama bot.

Lanjutan insiden, Jabatan Laut Wilayah Utara telah menubuhkan pasukan siasatan bagi menyiasat punca kejadian. Operasi *Search and Rescue* (SAR) juga telah di aktifkan bersama agensi lain termasuk Polis Marin pada jam 1000 pagi diketuai oleh pihak APMM Lumut.

Tindakan yang diambil oleh Pusat Komunikasi Wilayah Utara JLM (PUSKOW Utara) adalah memohon pengeluaran *Navigational text messages* (Navtex) daripada Pusat Komunikasi Maritim Malaysia (PUSKOM) untuk memaklumkan kepada agensi perkapalan dan kapal-kapal supaya lebih berhati-hati untuk melalui kawasan tersebut.

Tiada tumpahan minyak di lokasi kejadian direkodkan setakat ini.

JABATAN LAUT MALAYSIA  
26 JAN, 2021

-TAMAT-

#### Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

#### Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7764

E-mel korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)



VS  
CHANNEL

# PANDANG MEDIA

21 JANUARI 2021

COVID-19

COVID-19: Operasi Pejabat Laut PTP ditutup hari ini hingga 26 Jan



21/01/2021 11:09 PM



21 JANUARI 2021

Kakitangan Pejabat Laut PTP positif Covid-19

f Share t Tweet

MyMetro / Mutakhir



GAMBAR hiasan.



26 JANUARI 2021

gag kapal dagang

Awak-awak hilang, bot dilanggar kapal dagang

NORMAWATI ADNAN | 26 Januari 2021



Kenyataan Jabatan Laut Malaysia yang dikongsi kepada media pada Selasa.

NEWS  
CHANNEL

# SUDUT KREATIF



**KEMPEN 10 MINIT  
MEMBACA  
DIKALANGAN  
PEGAWAI DAN  
KAKITANGAN  
JABATAN LAUT  
MALAYSIA**

Dialukan-alukan kepada semua pegawai dan kakitangan JLM yang berminat untuk berkongsi cerpen pendek, nukilan ringkas dan berkarya untuk dimasukkan ke dalam Buletin Jabatan Laut Malaysia.

*Senyum Tanda Sayang*



SENYUM pada orang tua tanda sayang.  
SENYUM pada kanak-kanak tanda kasih.  
SENYUM pada kekasih tanda cinta.  
SENYUM depan telefon tanda gila,  
masih SENYUM lagi... memang sah GILA!

Source:

<https://www.ceritalawak.com/2014/05/754-senyum-tanda-sayang.html>



Source:

<https://www.ceritalawak.com/2014/01/550-tak-elok-makan-banyak-makanan-ringan.html>



**Disclaimer!**

Untuk makluman artikel yang dikongsikan hanyalah bahan bacaan dan tiada kaitan dengan mana-mana individu dan organisasi

## *Tak Elok Makan Banyak Makanan Ringan*

Seorang lelaki tua sedang berehat di bangku taman bunga. Datang seorang budak kecil duduk disebelah. Si budak mengeluarkan coklat dari poket lalu menjamahnya. Habis satu, dia mula lagi satu. Dan lagi. Dan lagi.

Si tua memerhatikan sekian lama. Apabila budak kecil mula hendak makan coklat yang ke-10, dia mencelah,

"Nak, pakcik nak bagi nasihat sikit.."

Budak kecil melihat sambil mendiamkan diri.

"Kalau makan banyak sangat makanan ringan, tak elok untuk kesihatan dan gigi rosak!"

Si budak berkata, "Datuk saya ada nasihat juga."

"Dia pun kata jangan makan makanan ringan?"

"Tak. Dia kata JANGAN MASUK CAMPUR HAL ORANG LAIN.."

# BACA/READ



## MEMBERI

Kata kerja transitif yang diikuti oleh objek penerima atau pihak yang menerima

### CONTOH

1. Kerajaan memberi golongan miskin bantuan sara hidup
2. Ketika saya bersekolah dahulu, ayah memberi saya wang belanja 10sen atau 20 sen sehari



## MEMBERIKAN

Kata kerja transitif yang diikuti oleh sesuatu yang diberikan atau disampaikan kepada penerima

### CONTOH

1. Kerajaan memberikan bantuan sara hidup kepada golongan miskin
2. Ketika saya bersekolah dahulu, ayah memberikan wang belanja 10sen atau 20 sen sehari kepada saya

## MEMBERI ATAU MEMBERIKAN?



## KEMPEN 10 MINIT MEMBACA

### JABATAN LAUT MALAYSIA

Disediakan oleh:  
Unit Korporat JLM  
bersama



Penghargaan-  
<http://prpm.dbp.gov.my>



JabatanLautMalaysia



@lautmy



jabatanlaut



KEMPEN 10 MINIT  
MEMBACA  
DICALANGAN  
PEGAWAI DAN  
KAKITANGAN  
JABATAN LAUT  
MALAYSIA

*Kata-kata  
Indah Bahasa  
Melayu Yang  
Jarang  
Didengar*

URNA

Warna

# SENTUHAN ROHANI

## MUTIARA KATA:

*Harga sebuah kejayaan adalah sangat mahal kalau nak dibandingkan dengan harga sebuah usaha. Sebab itu kita jangan berhenti di separuh jalan, tapi teruskan usaha demi mencapai kejayaan.*



## RENUNG & FIKIR FIKIRKAN.

*Berfikir  
sejenak!*

Nukilan :  
*Penaka Iziora*



## MUTIARA KATA:

*Disaat kita hilang semangat untuk berusaha, fikirkan semula kenapa kita memulakannya dulu. Jadi, jangan cepat putus asa.*

## RENUNG & FIKIR FIKIRKAN.

### Bahan-Bahan:

3 ekor ketam segar  
1 batang serai, dititik  
1 helai daun kunyit, carikkan  
2 cawan santan pekat  
1 keping asam gelugor  
Bahan untuk kisar halus:  
5 biji cili api  
2 biji cili merah  
1/2 biji bawang besar  
1 inci kunyit hidup  
3 biji bawang merah  
3 ulas bawang putih  
Secubit belacan

### Tips:

Jika ketam betina yg mempunyai telur anda tidak perlu buang kulit (seperti dalam gambar). Jika ketam biasa, buang kulit dan potong dua bahagian dan leraikan kaki bersepit.



### Cara Penyediaan:

Bersihkan ketam, dan leraikan bahagian kaki yang bersepit. Ketuk kulit ketam dengan lesung batu sehingga kulit sedikit pecah supaya senang dimakan kemudian.

Gaulkan ketam dengan bahan kisar halus dan masak seketika selama lebih kurang 5 minit.

Kemudian masukkan pati santan. Boleh juga dicairkan kuah dengan sedikit air jika terlalu pekat.

Perlahankan api dan kacau supaya santan tidak berketul. Masukkan asam keping, serai dan daun kunyit.

Masukkan garam dan gula secukup rasa dan masak sehingga mendidih.



**DAPUR  
JLM**

**RESEPI KETAM  
MASAK LEMAK  
CILIA API**